



MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN KERANGKA KONSEP PENTAKSIRAN PERTANDINGAN DIKIR BARAT PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

KHAIRIL ANUAR BIN HASHIM



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





**MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN KERANGKA
KONSEP PENTAKSIRAN PERTANDINGAN DIKIR
BARAT PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

KHAIRIL ANUAR BIN HASHIM



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...16....(hari bulan).....FEB..... (bulan) 20.21...

i. Perakuan pelajar :

Saya, KHAIRIL ANUAR BIN HASHIM, M20161000410, FMSP (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN KERANGKA KONSEP PENTAKSIRAN PERTANDINGAN DIKIR BARAT PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MOHD HASSAN BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN KERANGKA KONSEP PENTAKSIRAN PERTANDINGAN DIKIR BARAT PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN MUZIK (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MEMBANGUN DAN MENGESAHKAN KERANGKA
KONSEP PENTAKSIRAN PERTANDINGAN DIKIR
BARAT PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik /Matric's No.: M20161000410

Saya / I : KHAIRIL ANUAR BIN HASHIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji kepada Maha Pencipta Allah S.W.T. atas kurnian dan limpahnya kajian ini disiapkan dengan sempurna. Syukur tidak terhingga dipertemukan sumber-sumber, individu-individu dan agensi-agensi yang membantu dalam penyediaan kajian ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberi ruang dan peluang perkongsian ilmiah ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih khusus kepada penyelia saya, Prof Dr. Mohd Hassan bin Abdullah yang sentiasa memberi tunjuk ajar, dorongan dan panduan dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga Prof Madya Dr Mohd Azam bin Sulong yang bertindak sebagai penyelia kedua serta juga semua pensyarah Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rakaman terima kasih kepada juga kepada pakar yang dirujuk dalam memperjelaskan lagi penghuraian kajian ini khususnya En. Che Mohd Nasir Yusof (Pok Nasir) dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan juga En. Mohd. Sulhie bin Yusuf (Yie Arjunasukma) dari Akademi Dikir Barat Arjunasukma yang telah memberikan input yang sangat berguna dalam penyelidikan ini. Penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyelidikan ini.

Akhir sekali tidak dilupakan penghargaan dan terima kasih kepada ibu dan arwah bapa saya yang telah memberi sokongan dan galakan. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa dan pengorbanan yang tidak ternilai ini dan semoga Allah S.W.T memberkati usaha ini.





ABSTRAK

Seni Dikir Barat merupakan salah satu muzik tradisional yang dikenali umumnya dalam masyarakat Malaysia walaupun seni budaya ini bertapak asalnya dari negeri Kelantan. Seni ini semakin mendapat tempat di jiwa rakyat Malaysia dan mula dipertontonkan di seluruh pelusuk negara tidak kira melalui persembahan pentas malah disiarkan juga di dalam media utama negara. Namun demikian Dikir Barat dipentaskan dalam bentuk pertandingan bagi peringkat pelajar sekolah menengah dan walaupun begitu, tidak ada satu keselarasan justifikasi pentaksiran terhadap penjurian dan tidak ada satu landasan teori yang kukuh terhadap elemen-elemen penjurian. Dengan ini, satu kerangka konsep penilaian yang berasaskan teori yang kukuh perlu dibangunkan untuk digunakan dalam penilaian pertandingan Dikir Barat di peringkat sekolah. Oleh itu kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif yang mana menggunakan pemerhatian, analisis dokumen dan temubual. Grounded Theory diaplikasikan dalam membentuk kerangka konsep pentaksiran penjurian Dikir Barat ini. Kajian ini telah menghasilkan satu kerangka konsep penjurian pertandingan Dikir Barat dan dapatan akhirnya terbentuk satu Borang Penjurian Dikir Barat yang menepati semua elemen dan sub elemen yang perlu ada dalam pertandingan tersebut. Hasil dari kajian ini mampu memberi panduan dan rujukan kepada kumpulan Dikir Barat terhadap penekanan elemen yang tepat untuk dinilai semasa pertandingan Dikir Barat. Malah juri pertandingan dapat menilai dengan jelas dan tepat bagi mengukuhkan lagi martabat seni budaya warisan ini.

Kata kunci Dikir Barat, pentaksiran, penjurian, kerangka konsep, Borang Penjurian Dikir Barat



CONSTRUCT AND VERIFY THE ASSESSMENT CONCEPTUAL FRAMEWORK OF DIKIR BARAT COMPETITION IN SECONDARY SCHOOL LEVEL

ABSTRACT

Dikir Barat is one of the most popular traditional music in Malaysian society despite its cultural was originated from Kelantan. Dikir Barat is gaining attention among Malaysians and is being shown all over the country not only on stage but also on the country's main media. However, Dikir Barat is set in the form of competition for secondary school students and yet, there is not a single conformity on the justification of the assessment in judging and there is no solid theoretical foundation for the elements in judging. With this, a strong theory-based conceptual framework for evaluation needs to be developed for the use in the evaluation of Dikir Barat Competition in school level. Therefore, this study applied qualitative research design which included observation, document analysis and interviews. Grounded Theory was applied to formulate a conceptual framework for the assessment of this Dikir Barat judging. This study has come up with a conceptual framework in judging the Dikir Barat Competition and from the findings, a Dikir Barat Judging Form that complies with all the elements and sub-elements needed in the competition were developed. The results from this study are able to provide guidance and reference to the Dikir Barat group in emphasizing the right elements to evaluate during the Dikir Barat Competition. Even the jury of the competition can assess in an assured and precise manners in order to strengthen the dignity of this art of cultural heritage.

Keywords: Dikir Barat, assessment, judging, conceptual framework, Dikir Barat Judging Form



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGAKUAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Kesignifikanan Kajian	10
1.8 Definisi Terminologi /Istilah	11
1.9 Penutup	13



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	15
2.2 Dikir Barat	15
2.2.1 KSSM Pendidikan Muzik	16
2.3 Pentaksiran	17
2.4 Grounded Theory	19
2.5 Kerangka Konsep	22
2.6 Kajian Lepas	24

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	27
3.2 Rekabentuk Kajian	27
3.3 Instrumen Kajian	30
3.3.1 Analisis Dokumen	30
3.3.2 Temubual	31
3.3.3 Pemerhatian	32
3.4 Informan	33
3.5 Analisis Data	34
3.6 Tempat Kajian	35
3.7 Penutup	35

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	36
4.2 Persoalan Kajian 1	37
4.2.1 Borang Penjurian	37
4.2.2 Pemerhatian	38
4.2.3 Analisis Data	38



4.2.3.1 Tok Jogho	39
4.2.3.2 Tukang Karut	43
4.2.3.3 Awak-awak	48
4.2.3.4 Muzik	51
4.2.3.5 Penilaian Keseluruhan	54
4.2.4 Rumusan Keseluruhan Soalan 1	56
4.3 Soalan Kajian 2	59
4.3.1 Cadangan Pentaksiran (Kerangka Konsep)	59
4.3.1.1 Tok Jogho	61
4.3.1.2 Tukang Karut	61
4.3.1.3 Awak-awak	61
4.3.1.4 Muzik	62
4.3.1.5 Penilaian Keseluruhan	63
4.3.2 Rakaman Video	63
4.3.3 Borang Cadangan	64
4.4 Soalan Kajian 3	65
4.4.1 Elemen Pentaksiran	65
4.4.2 Rujukan Pakar	67
4.4.2.1 En. Che Mohd Nasir Yusoff (Pok Nasir)	67
4.4.2.2 En. Mohd Sulhie bin Yusuf (Yie Arjunasukma)	68
4.5 Kerangka Akhir	70
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	76
5.2 Rumusan Keseluruhan	76

5.3 Aplikasi Penggunaan Borang Penjurian Dikir Barat	77
5.4 Kertas Konsep Pertandingan Dikir Barat	77
5.5 Cadangan	78
5.5.1 Cadangan Aplikasi	78
5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.6 Penutup	80
RUJUKAN	81
LAMPIRAN	83

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Contoh Analisis Data	34
4.1	Suntingan Elemen Tok Jogho dari Jadual Analisis Perbandingan	39
4.2	Suntingan Elemen Tukang Karut dari Jadual Analisis Perbandingan	43
4.3	Suntingan Elemen Awak-awak dari Jadual Analisis Perbandingan	48
4.4	Suntingan Elemen Muzik dari Jadual Analisis Perbandingan	51
4.5	Suntingan Penilaian Keseluruhan dari Jadual Analisis Perbandingan	54
4.6	Analisis Keutamaan Elemen dan Sub Elemen Penjurian Dikir Barat	57
4.7	Cadangan Pemarkahan Elemen dan Sub Elemen Dikir Barat	60
4.8	Cadangan Borang Pemarkahan	64
4.9	Cadangan Pemarkahan	65
4.10	Rumusan Pakar untuk Cadangan Pemarkahan	70
4.11	Pemarkahan Akhir	73
4.12	Borang Penjurian Pertandingan Dikir Barat Peringkat Sekolah Menengah	75
6.1	Borang Penjurian Pertandingan PPDA	85
6.2	Borang Penjurian Karnival Pasir Mas	86
6.3	Borang Penjurian Pertandingan JKKN	86
6.4	Borang Penjurian Pertandingan MSSK	87





6.5	Borang Penjurian Pertandingan Kolej Aminudin Baki	88
6.6	Borang Penjurian Pertandingan SIDRAT 2011	89
6.7	Analisis Perbandingan Elemen-elemen dalam Dikir Barat	90





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1	Proses Pembentukan Teori
3.1	Proses Pembentukan Cadangan Borang Penjurian
3.2	Rekabentuk Kajian
4.1	Cadangan Kerangka Konsep Pentaksiran Penjurian Pertandingan Dikir Barat
4.2	Kerangka Akhir Pentaksiran Penjurian Pertandingan Dikir Barat Peringkat Sekolah Menengah





SENARAI FOTO

No. Foto		Muka Surat
6.1	Sesi Temubual Bersama En. Che Mohd. Nasir Yusoff (Pok Nasir)	83
6.2	Sesi Temubual Bersama En. Mohd Sulhie bin Yusuf (Yie Aurjunasukma)	84



SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PPDa	Pendidikan Pencegahan Dadah
MPAC	MSU Performing Arts Competition
GT	Grounded Theory
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
MSSK	Majlis Sukan Sekolah Kelantan
SIDRAT	Senandung Irama Dikir Barat Inter Kolej
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
BSKK	Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

Dikir Barat bukanlah satu kesenian yang hanya boleh dikhususkan untuk pembelajaran bagi pelajar atau sekolah yang berada di negeri Kelantan sahaja. Kesenian ini boleh diperkenalkan di mana-mana sekolah di seluruh Malaysia seiring juga dengan seni tradisional gamelan, kompang dan caklempong. Sebagaimana semua pendidik muzik sedia maklum bahawa ensembel muzik tersebut memang tersedia bagi sekolah yang terdahulu menyediakan mata pelajaran pendidikan muzik sebagai salah satu mata pelajaran pilihan di sekolah tersebut.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah meletakkan seni Dikir Barat sebagai salah satu ensembel cadangan untuk pengajaran pendidikan muzik di sekolah. Cadangan ini



sangat praktikal kerana kos penyediaan peralatan yang murah dan boleh melibatkan penglibatan keseluruhan satu kelas untuk melengkapkan ensembel ini.

Tidak semua sekolah mempunyai kumpulan mahupun pasukan Dikir Barat walaupun ensembel muzik ini antara ensembel yang ekonomi untuk disediakan di sekolah. Cuma kadangkala persembahan Dikir Barat adalah bersandarkan adanya guru dari Kelantan yang dianggap mempunyai pengalaman dan pengetahuan Dikir Barat untuk mewujudkan pasukan Dikir Barat yang bersifat sementara untuk memenuhi sesuatu acara atau program sekolah. Namun demikian wujud juga sekolah yang menjadikan pasukan Dikir Barat ini sebagai salah satu etos sekolah memandangkan terdapat sokongan dan kewibawaan guru yang dipertanggungjawabkan. Malah Dikir Barat ini setiap tahun mendapat tempat untuk dipertandingkan dalam Karnival Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dari peringkat daerah sehinggalah kebangsaan.

Ketelusan dalam pentaksiran penjurian Dikir Barat dilihat tidak konsisten. Juri yang dilantik tidak mampu membuat satu pentaksiran yang selaras memandangkan tidak ada ketetapan khusus yang ditetapkan terhadap elemen dalam penjurian Dikir Barat. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan satu kerangka konsep pentaksiran penjurian Dikir Barat agar satu pentaksiran yang selaras dapat diperolehi terhadap pertandingan Dikir Barat sekolah menengah.





1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dikir Barat sering dijadikan medium untuk menyampaikan sesuatu hasrat atau kempen melalui pertandingan yang akan membuka peluang dalam pembinaan lirik, lagu dan bentuk persembahan. Walau bagaimanapun penawaran pertandingan Dikir Barat di peringkat sekolah amat jarang dilaksanakan kecuali beberapa bentuk kempen yang menjadi acara tahunan di peringkat negeri malah terus dipanjangkan sehingga ke peringkat kebangsaan. Antara pertandingan Dikir Barat yang melibatkan pelajar sekolah adalah seperti Karnival Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang sering menjadi buah mulut penggiat Dikir Barat di peringkat sekolah menengah. Malah ada juga pertandingan Dikir Barat yang dianjurkan oleh agensi luar yang disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti MSU Performing Arts Competition (MPAC)

yang menawarkan kategori Dikir Barat.

Di peringkat sekolah, Dikir Barat dikategorikan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum yang berdiri tegak sebagai satu Kelab Dikir Barat ataupun diletakkan dalam salah satu cabang di dalam Kelab Keseniaan dan Kebudayaan atau Kelab Muzik. Malah ada juga dijadikan kesenian ini sebagai salah satu aktiviti pertandingan atau persembahan untuk diselitkan dalam program sekolah. Selain koir, Dikir Barat menjadi pilihan untuk disediakan memandangkan kesenian ini mampu melibatkan penyertaan ramai pelajar. Pertandingan dalaman di peringkat sekolah tidaklah diadili penjurianya dengan terperinci kerana hanya dilihat dari sudut isi lirik yang disampaikan yang berkaitan tema atau program yang dijalankan.





Pertandingan Dikir Barat diperingkat daerah, negeri dan kebangsaan memerlukan ketelusan dalam etika penjurian yang mewajibkan pihak penganjur menyediakan medium penjurian melalui penetapan di dalam kertas konsep, pemilihan juri, borang permarkahan dan pelaksanaan penjurian semasa pertandingan dijalankan. Kebiasaannya maklumat berkenaan elemen penjurian dilihat secara asas yang mengambil kira elemen muzik berkiblatkan elemen muzik barat yang kemungkinan tidak memenuhi bersifat kontra daripada kehendak entomuzikaliti muzik tradisional Malaysia. Penerapan ilmu muzik di sekolah pastinya harus menampakan kejelasan perbezaan di antara muzik barat dan juga muzik tradisional.

Oleh yang demikian, satu langkah penyediaan kerangka konsep pentaksiran pertandingan Dikir Barat perlu dibina untuk mengukuhkan lagi dan menyangkal kekeliruan terhadap ketelusan keputusan atau pemilihan pasukan Dikir Barat terbaik yang melengkapi elemen aslinya. Pembinaan kerangka konsep ini menggunakan kaedah Grounded Theory yang mana kerangka dibina berdasarkan penghuraian elemen utama yang diperlukan melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temubual.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pertandingan Dikir Barat sering diberi ruang di dalam sesuatu penganjuran berbentuk karnival atau diletakkan sebagai salah satu kategori melalui penganjuran acara berbentuk kebudayaan untuk memeriahkan lagi sesuatu program. Dikir Barat mendapat tempat untuk diketengahkan kerana keindahan lirik dan lagu serta bunga tangan dan kemantapan suara awak-awak. Pemilihan pemenang sesuatu pertandingan ini melibatkan penilaian yang dilakukan oleh juri-juri yang dilantik oleh penganjur. Isu





yang diketengahkan adalah persoalan berkaitan apakah standard yang ditetapkan terhadap pentaksiran penjurian Dikir Barat tersebut.

Pentaksiran terhadap mutu persembahan Dikir Barat harus seiring dengan keaslian seni Dikir Barat itu sendiri. Seiring dengan itu, lantikan juri dalam pertandingan Dikir Barat haruslah seiring dengan kewibawaan bagi memperlihatkan ketelusan dalam pentaksiran yang dibuat. Menurut Lim dan Mohd (2016), keaslian atau jati diri adalah khazanah penting yang tidak boleh dijual beli. Demikian dalam hal Dikir Barat ini, peralatan muzik yang digunakan, susunan segmen-segmen dalam persembahan, peranan Tok Jogho dan Tukang Karutnya, serta fungsi dan peranan awak-awak adalah estetika seni Dikir Barat yang sangat autentik dan mengagumkan.



standard yang jelas dalam muzik tradisional Malaysia untuk diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sumber rujukan dalam bentuk filmografi boleh diperolehi namun penghuraian berkenaan elemen yang jelas perlu dihuraikan dengan lebih terperinci. Seni muzik tradisional tetap dipelihara sebagai seni warisan budaya bangsa. Muzik tradisional Malaysia hanyalah digunakan sebagai ‘penyeri majlis’ atau melengkapkan adat dan adab atau sebagai pelengkap protokol sesuatu acara. Begitu juga Dikir Barat yang mana jika dicari bahan rujukan berkenaannya, hasilnya kebanyakan adalah hasil penulisan bersahaja dan hampir serupa jika penulisannya berbeza individu. Apatah lagi jika rujukan berkaitan dengan elemen muzik dan langkah perjalanan satu-satu persembahan. Tetapi, jika rujukan dibuat terus daripada penggiat seni ini, pelbagai perkara dapat dikupas. Banyak perkara yang tidak dibukukan dan jelaslah seni muzik tradisional kebanyakannya diwarisi secara lisan dan kebiasaannya





warisan kekeluargaan diturunkan dari satu lapis generasi ke generasi seterusnya kecuali yang berguru tetapi penyampaian tetap sama melalui lisan, pemerhatian dan peniruan.

Dalam satu persembahan Dikir Barat peringkat sekolah pihak penganjur menetapkan syarat yang perlu dilaksanakan dalam satu persembahan Dikir Barat yang lengkap. Terdapat ketetapan-ketetapan tertentu yang disyaratkan dari segi penggunaan alat, langkah-langkah persembahan, jenis-jenis lagu dan tema. Namun, adakala juri yang dilantik tidak kompeten untuk dijadikan pentaksir terhadap sesuatu pertandingan Dikir Barat. Alasan bahawa juri dilantik merupakan berasal dari Kelantan bukanlah satu kayu pengukur untuk seseorang mampu menilai sesuatu persembahan Dikir Barat. Tidak semestinya dengan bertitik tolak alasan tersebut dijadikan satu sandaran yang kukuh untuk individu tersebut menjuri Dikir Barat. Mungkin beliau sudah biasa dengan Dikir Barat dan sering mendengar Dikir Barat maka beliau lebih tahu apakah itu Dikir Barat.

Sebagai contoh di dalam pertandingan MSU Performing Arts Competition 2017, juri yang dilantik merupakan Dato Suhaimi Mohd Zain yang merupakan seorang penggiat muzik tradisional tanah air, seorang pensyarah vokal dari UiTM dan seorang pegawai dari Jabatan Kesenian Negara. Tidak ada satu pun juri yang betul-betul berpengetahuan tinggi dalam Dikir Barat dan ini menyukarkan mereka memahami dengan lebih telus berkenaan kesenian Dikir Barat. Juri yang dilantik tidak betul-betul memahami elemen-elemen yang terdapat dalam Dikir Barat. Elemen-elemen tersebut disokong oleh pendapat Lim dan Mohd (2016), Dikir Barat secara relatifnya menggabungkan empat elemen penting, iaitu seni suara, seni muzik, seni sastera dan seni gerak. Setelah melengkapkan gabungan empat elemen seni seperti di atas, ia perlu pula memenuhi pendukung persembahan iaitu Tok Jogho, Tukang Karut, pemuzik dan awak-awak.





Pelbagai sudut dan pandangan terhadap elemen-elemen yang terdapat dalam Dikir Barat. Tidak ada satu ketetapan yang khusus berkaitan apakah elemen-elemen yang perlu ada di dalam Dikir Barat peringkat sekolah. Malah dengan ini tidak kiralah jika semua juri yang dilantik itu memang diakui penggiat Dikir Barat tetapi setiap mereka akan menilai mengikut standard dan pilihan citarasa mereka sendiri. Melalui dapatan borang penjurian, pemberian markah dilihat mempunyai jalinan permarkahan yang telus. Contohnya jika salah seorang juri amat tertarik dengan Tok Jogho maka memungkinkan beliau memberi markah yang lebih terhadap persembahan tersebut. Tapi apakah ciri yang harus dinilai pada Tok Jogho kumpulan Dikir Barat tersebut.

Setelah rujukan dibuat, didapati dokumen yang berkaitan elemen-elemen dalam dikir barat tidak mendapat tempat dalam kelompok bahan bertulis. Kebanyakan rujukan yang diperolehi adalah berkaitan sejarah asal-usul Dikir Barat, jenis-jenis lagu dan peralatan yang digunakan di dalam Dikir Barat. Pendekatan yang sesuai untuk menjawab persoalan ini adalah dengan merujuk sendiri dengan tokoh-tokoh Dikir Barat atau pakar berkaitan Dikir Barat melalui kaedah temubual. Melalui rujukan secara terus ini, kemungkinan agak sukar dihuraikan jika elemen-elemen moden dan barat digunakan untuk menghuraikan elemen-elemen yang dimaksudkan. Tetapi, kemungkinan terdapat terma-terma tertentu boleh dijadikan sandaran.

Kadangkala kemungkinan terdapat cara pentaksiran yang cuba diselaraskan tetapi tidak standard dan tidak relevan dengan pentaksiran yang dilaksanakan. Melihat kepada MSU Performing Arts Competition (MPAC), antara yang dilantik sebagai juri merupakan salah seorang, pakar dalam muzik tradisional. Seorang adalah guru vokal dan seorang lagi merupakan pensyarah muzik. Jika dilihat kepada juri tersebut, ketiga-





tiga mempunyai jurusan kepakaran yang berbeza. Bagaimana seorang guru vokal dapat menilai nyanyian awak-awak yang lebih kepada teknik menjerit dan adakalanya menggunakan suara hidung. Pastiya itu amat bertentangan dalam prinsip teknik vokal.

Dengan segala permasalahan yang dinyatakan maka dapat disimpulkan perlunya diwujudkan satu Kerangka Konsep Pentaksiran Penjurian Pertandingan Dikir Barat Sekolah Menengah bagi memastikan ketelusan dalam penjurian Dikir Barat dapat dilaksanakan dan elemen utama yang perlu dititikberatkan dapat dikenalpasti yang mampu menjadi rujukan oleh guru dan pelajar dalam membentuk satu pasukan Dikir Barat. Selain itu, dengan wujudnya satu kerangka konsep ini maka juri dapat memberi penilaian yang seiring mengikut keaslian dalam Dikir Barat.



1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengumpul dan menganalisis maklumat berkaitan elemen-elemen yang terdapat dalam penjurian pertandingan Dikir Barat.
- ii. Membangunkan kerangka konsep pentaksiran pertandingan Dikir Barat untuk peringkat sekolah.
- iii. Mengesahkan kerangka konsep pentaksiran pertandingan Dikir Barat peringkat sekolah.





1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan oebjektif kajian di atas, persoalan kajian yang dapat mencaknakan jawapan adalah:

- i. Apakah elemen-elemen yang diambil kira dalam penjurian Dikir Barat di peringkat sekolah?
- ii. Apakah kerangka konsep pentaksiran pertandingan Dikir Barat di peringkat sekolah?
- iii. Apakah pandangan dan pengesahan pakar dan pengamal Dikir Barat tentang kerangka konsep pentaksiran penjurian dikir barat peringkat sekolah?



1.6 BATASAN KAJIAN



Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi sasaran objektif yang ditetapkan dalam pertandingan Dikir Barat terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia dan fokus utama adalah di Selangor dan Kuala Lumpur. Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh penyelidik. Di antara batasan-batasan tersebut di antaranya ialah, kajian ini hanya berfokus kepada pertandingan Dikir Barat di peringkat sekolah menengah. Ini melibatkan faktor keaslian loghat Kelantan yang mungkin budaya asal setempat dan juga melibatkan budaya ini bukan budaya setempat di kawasan kajian. Dapatan kajian ini mungkin dapat digeneralisasikan dan mampu juga menyumbang rujuk kepada pertandingan-pertandingan Dikir Barat lain yang bukan melibatkan pelajar-pelajar sekolah.





1.7 KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai salah satunya berfungsi untuk mengupas elemen-elemen dan apakah standard yang selaras yang boleh diguna pakai oleh siapa sahaja. Standard yang jelas ini merujuk kepada elemen-elemen yang perlu dititikberatkan dalam persembahan Dikir Barat. Standard pentaksiran ini bukan semata-mata hanya kegunaan penjurian pertandingan, malah amat sesuai sekali digunakan dalam menyediakan satu pasukan Dikir Barat. Hasil kajian ini bukan sahaja akan menjurus untuk memastikan pengekalan keaslian elemen dalam Dikir Barat malah boleh menjadi panduan untuk pengajaran muzik dalam memperkenalkan muzik tradisional Dikir Barat seiring dengan apa yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM. Kerangka kerja yang terhasil ini mengutamakan untuk panduan pelajar-pelajar sekolah menengah bukan sahaja amat berguna untuk membentuk satu pasukan Dikir Barat di sekolah malahan juga boleh digunakan oleh mana-mana kumpulan Dikir Barat.

Dengan adanya kerangka konsep ini, tenaga pengajar akan mempunyai satu panduan yang jelas tentang keperluan elemen-elemen utama dalam Dikir Barat. Sekolah tidak perlu mendapatkan khidmat jurulatih luar untuk membentuk satu pasukan Dikir Barat dan kemungkinan bayaran elaun jurulatih itu boleh digunakan untuk menjemput kepakaran dikir barat untuk datang menilai dan memberi pandangan ke arah kebaikan di atas hasil kumpulan dikir barat yang dilatih oleh guru muzik sekolah tersebut.





Selain itu, dengan adanya kerangka konsep ini maka kumpulan-kumpulan Dikir Barat dapat diselaraskan untuk mematuhi keaslian Dikir Barat yang sebenar. Tidak seperti contoh satu kumpulan yang pernah diperhatikan di dalam satu pertandingan yang menampilkan kumpulan ini tidak tahu apakah peranan Tukang Karut dan Tok Jogho malah cara penyampaian lagu juga menyalahi dari elemen sebenar Dikir Barat.

1.8 DEFINISI TERMINOLOGI / ISTILAH

Melalui penyelidikan ini, terdapat istilah khusus yang digunakan. Di bawah adalah penerangan berkenaan istilah tersebut.



Perkataan dikir ialah hasil dari dua kombinasi seni iaitu dikir dan pantun atau dikir dan karut. Pengertian “Karut” itu sendiri ialah dari istilah mengarut dalam bentuk pantun atau syair. Jadi Dikir Barat, Dikir Karut, Dikir Pantun dan Dikir Syair adalah sama ertinya. Walaubagaimanapun di Kelantan ianya lebih terkenal dengan Dikir Barat dan di Selatan Thai dengan Dikir Karut.

ii. Tok Jogho

Merupakan penyanyi yang memulakan lagu persembahan juga digelar Tok Jogho ataupun Jogho sahaja. Pada kebiasaannya Tok Jogho akan duduk sebaris dengan pemain muzik. Tok Jogho akan memulakan lagu dengan lenggang lengkok tanpa meter dan berjela-jela mengikut kemahuan dan



moodnya bergaya zikir. Peranannya seolah-olah meniup semangat kepada pasukannya untuk mempamerkan persembahan yang menarik dan bersemangat. Tok Jogho juga berperanan memberi panduan kepada penyanyi selanjutnya iaitu Tukang Karut.

iii. Tukang Karut

Merupakan individu atau penyanyi yang paling penting dalam persembahan Dikir Barat. Selalunya ia bebas bergerak di atas pentas sambil mengalunkan nyanyain. Beliau memiliki kemahiran mencipta pantun secara spontan dan dianggap sebagai insan yang mempunyai bakat semulajadi dalam bidang penciptaan, menarik, lucu, bijak, memukau perhatian audien.

Ahli pemain Dikir Barat biasanya terdiri daripada sepuluh hingga lima belas orang yang dinamakan awak-awak. Awak-awak berperanan menyanyikan korus yang disampaikan secara unison. Korus yang berbentuk seperti pantun bertujuan untuk berbalas-balas pantun dengan penyanyi. Semasa mengadakan persembahan awak-awak duduk di atas lantai dalam bulatan berhadapan diantara satu sama lain. Sambil menyanyi mereka menggerakkan lengan, tangan dan bahagian atas anggota badan seolah-olah menari mengikut irama muzik diselang seli dengan tepukan dan teriakan yang kuat pada bit-bit yang tertentu.

v. **Kerangka Konsep**

Kerangka Konsep merupakan keseluruhan teori dan pembolehubah dipersembahkan dalam kerangka kajian dengan mempamerkan hubungkait antara satu dengan yang lain bagi menggambarkan hasil kajian yang dicapai.

vi. **Pentaksiran**

Pentaksiran merupakan satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman serta pertimbangan tentang produk sesuatu proses pendidikan. Pentaksiran merupakan satu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran seseorang pelajar bagi sesuatu tujuan (Lembaga Peperiksaan Malaysia [LPM], 2012).

vii. **Penjurian**

Penjurian merupakan satu proses untuk menilai sesuatu perkara atau perbuatan dengan berpandukan elemen, kriteria atau perkara yang ingin dinilai berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan. Penjurian akan menghasilkan satu pilihan terhadap perbandingan di dalam menilai elemen, kriteria atau perkara yang ditetapkan tersebut.



1.9 PENUTUP

Warisan Dikir Barat merupakan salah satu khazanah identiti Malaysia Timur yang perlu dijulung, dipelihara dan diangkat sebagai salah satu identiti warisan budaya Malaysia. Oleh itu, melalui pembinaan kerangka pentaksiran ini akan mampu menjadi rujukan untuk membentuk satu pasukan Dikir Barat yang memenuhi ciri-ciri utama dalam satu kumpulan Dikir Barat bukan sahaja di peringkat sekolah menengah malah boleh dan sesuai dirujuki oleh sesiapa pun.

